



# Siaran Akhbar

Petaling Jaya, 23 Mei 2022

## Nestlé Malaysia Lantik Ketua Pegawai Kewangan Baharu

**PETALING JAYA, 23 Mei 2022** – Nestlé (Malaysia) Berhad hari ini mengumumkan pelantikan En. Syed Saiful Islam sebagai Ketua Pegawai Kewangan (CFO) baharu Syarikat berkuat kuasa 1 Ogos 2022. En. Syed Saiful Islam akan menggantikan En. Craig Connolly, yang merupakan CFO Syarikat sejak 2019 yang akan memegang jawatan baharu sebagai Ketua Perkhidmatan Kewangan Global yang berpangkalan di Vevey, Switzerland.

En. Juan Aranols, Ketua Pegawai Eksekutif Nestlé Malaysia, berkata, "Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin mengucapkan tahniah kepada En. Connolly atas pelantikannya dan -berbesar hati atas sokongan dan sumbangannya kepada Nestlé Malaysia selama ini. Berbekalkan ilmu pengetahuan dan kepakaran yang luas, En. Connolly telah bersama-sama memimpin Syarikat dengan cemerlang sambil mengharungi beberapa tahun kebelakangan ini yang sungguh mencabar."

"Dalam pada itu, kami juga sukacita untuk mengalu-alukan En. Syed Saiful Islam, yang mempunyai keupayaan dan pengalaman luas untuk terus menambah nilai kepada organisasi kami," tambah En. Aranols.

Pengganti En. Connolly, En. Syed Saiful Islam, menyertai Nestlé Bangladesh pada 1999 sebagai Pengurus Perakaunan Kewangan sebelum memegang pelbagai jawatan di Nestlé India dari tahun 2000 hingga 2005. Selepas itu, beliau telah dilantik sebagai Pengawal Korporat Nestlé Bangladesh pada 2006 sebelum dinaikkan pangkat kepada Pengawal Kewangan pada tahun yang sama. Sejak 2010, beliau telah menyandang beberapa jawatan kepimpinan di dalam Nestlé, termasuk Naib Presiden Kewangan & Kawalan Nestlé Sri Lanka, Ketua Kewangan & Kawalan Nestlé Nigeria dan peranan semasanya sebagai Ketua Kewangan & Kawalan Nestlé Pakistan sejak 2018.

### **Mengenai Nestlé Malaysia**

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Beribu pejabat di Switzerland, Nestlé beroperasi di lebih 180 negara di seluruh dunia, dan seramai lebih 270,000 orang kakitangan kami komited terhadap matlamat Nestlé, yang berusaha memanfaatkan kelebihan makanan untuk meningkatkan kualiti kehidupan untuk semua insan, masa kini dan untuk generasi masa depan. Prestasi kami dipacu oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Menjana khasiat rakyat Malaysia sejak 1912, Nestlé telah meraih kepercayaan para pengguna kami menerusi jenama dan produk kami yang bermutu tinggi. Kami juga komited untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan masyarakat di mana kami beroperasi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan ketelusan produk Halal kami.

Ini sejajar dengan janji kami untuk menawarkan GOOD FOOD, GOOD LIFE kepada semua. Untuk ketahui lebih lanjut tentang usaha kami menjana khasiat rakyat Malaysia melebihi seabad, sila layari [www.nestle.com.my](http://www.nestle.com.my) atau kunjungi laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/NestleMalaysia>.

---

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

**Shaheen Zaffar**

Nestlé (Malaysia) Berhad

Tel: (+603) 7965 6456

Bimbit: +6012-235 6865

E-mel: [shaheen.mohamedzaffar@my.nestle.com](mailto:shaheen.mohamedzaffar@my.nestle.com)

**Farah Iman atau Yasmin Kadir**

acorn communications

Tel: (+603) 7958 8348

Bimbit: +6012-221 8216 (Farah) atau

+6017 237 9048 (Yasmin)

E-mel: [acorncommunications@acornco.com.my](mailto:acorncommunications@acornco.com.my)